JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

---

ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI

BIL. 11/2025

---

# GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KERTAS SIASATAN FRAUD

Diedarkan kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

## AKPI 11/2025: GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KERTAS SIASATAN FRAUD

### TUJUAN

1. Arahan ini disediakan bagi memudahkan Pegawai Penyiasat di Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan melaksanakan tugas penyiasatan dan penguatkuasaan bagi kes fraud. Bagi setiap kesalahan fraud satu (1) fail Kertas Siasatan (KS) perlu dibuka untuk siasatan lanjut Pegawai Penyiasat.

### DEFINISI DAN TAFSIRAN

2. "Kertas Siasatan" ertinya fail rasmi yang disediakan oleh Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan (UPP) untuk merekod, mengumpul dan menyusun semua maklumat berkaitan bankrap. Ia merupakan dokumen lengkap dan menjadi rujukan bagi keseluruhan proses siasatan.

### LATAR BELAKANG

3. Pegawai Penyiasat merupakan pegawai yang ditugaskan untuk menjalankan siasatan bagi kesalahan fraud yang dilakukan oleh bankrap dan dalam tempoh tersebut pegawai penyiasat hendaklah membuka fail Kertas Siasatan.

4. Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) telah diberi kuasa untuk melantik Pegawai Penyiasat di bawah seksyen 84A Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] yang membolehkan pegawai penyiasat menjalankan tugas-tugas risikan dan penyiasatan menyeluruh dalam mengendalikan sesuatu kes sebelum tindakan komital diambil sebagai tindakan penguatkuasaan. Seiring dengan pindaan bagi Manual Prosedur Kerja bagi kes KS, Arahan KPI bagi kes KS juga perlu dipinda bagi memudahkan proses kerja kes KS.

5. Proses kerja bagi pengendalian KS, senarai borang dan senarai semak boleh dirujuk dalam Manual Prosedur Kerja Pengendalian Kertas Siasatan Fraud.

## PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN

6. Merujuk kepada Akta Insolvensi 1967 [Akta 360], senarai kesalahan fraud adalah seperti yang dikemukakan dalam Jadual A di bawah:

**[JADUAL A]**

| Bil | Kesalahan | Seksyen | Hukuman |
|---|---|---|---|
| (i) | Gagal memberi kerjasama kepada KPI selepas pelepasannya dalam hal berhubung merealisasikan dan pembahagian harta dalam milikannya yang telah diletak hak kepada KPI | 35A(a) | Denda tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya. |
| (ii) | Gagal membuat pendedahan (*discover*) kesemua harta bendanya kepada KPI | 109(1)(a) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya. |
| (iii) | Gagal menyerahkan kesemua hartanya kepada KPI | 109(1)(b) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya. |
| (iv) | Gagal menyerahkan kesemua buku-buku dan dokumen berkaitan dengan urusan harta bendanya kepada KPI | 109(1)(c) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (v) | Menyembunyikan harta bernilai RM 100.00 atau ke atas, atau menyembunyikan hutang selepas atau dalam tempoh 12 bulan sebelum penyerahan petisyen kebankrapan | 109(1)(d) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |

| | | | |
|---|---|---|---|
| (vi) | Secara fraud mengalihkan harta bernilai RM 100.00 atau ke atas selepas atau dalam tempoh 12 bulan sebelum penyerahan petisyen kebankrapan | 109(1)(e) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (vii) | Peninggalan material dalam mana-mana pernyataan berhubung dengan hal-ehwalnya | 109(1)(f) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (viii) | Gagal dalam tempoh satu bulan memaklumkan kepada KPI mengenai bukti hutang palsu | 109(1)(g) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (ix) | Menghalang penzahiran dokumen yang mempunyai kes ke atas aset bankrap selepas petisyen kebankrapan diserahkan | 109(1)(h) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (x) | Menyembunyikan, menghapuskan atau memalsukan dokumen yang berkaitan dengan harta atau hal ehwalnya dalam tempoh 12 bulan selepas penyerahan petisyen kebankrapan | 109(1)(i) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xi) | Memasukkan maklumat palsu dalam dokumen yang berkaitan dengan harta bendanya, dalam tempoh 12 bulan selepas atau selepas penyerahan petisyen kebankrapan | 109(1)(j) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xii) | Secara fraud memalsukan, mengubah atau membuat apa-apa peninggalan dalam dokumen berkaitan harta bendanya, dalam tempoh 12 bulan sebelum atau selepas penyerahan petisyen kebankrapan | 109(1)(k) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |

| | | | |
|---|---|---|---|
| (xiii) | Menjelaskan mana-mana bahagian hartanya dengan cara kerugian atau perbelanjaan rekaan di dalam mana-mana mesyuarat pemiutang dalam tempoh 12 bulan sebelum atau selepas penyerahan petisyen kebankrapan | 109(1)(l) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xiv) | Mendapatkan hutang RM1,000.00 atau lebih tanpa memaklumkan dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan | 109(1)(m)(i) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xv) | Melibatkan diri dalam perniagaan atau memasuki kontrak tanpa memberitahu bahawa dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan | 109(1)(m)(ii) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xvi) | Secara fraud atau representasi palsu, memperolehi mana-mana harta atau kredit dengan apa-apa nyataan palsu atau fraud dan belum lagi membayar untuk harta itu dalam tempoh 12 bulan sebelum atau selepas perintah petisyen kebankrapan | 109(1)(n) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xvii) | Memperolehi harta secara kredit di bawah dakwaan palsu atas menjalankan perniagaan dalam tempoh 12 bulan sebelum atau selepas perintah petisyen kebankrapan | 109(1)(o) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xviii) | Menggadai, mencagarkan atau melupuskan atau menghantar ke luar Malaysia apa-apa harta yang ia perolehi atau kredit dalam tempoh 12 bulan sebelum atau selepas perintah petisyen kebankrapan | 109(1)(p) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xix) | Penyataan palsu atau fraud lain bagi maksud untuk memperolehi keizinan pemiutang-pemiutang berhubung dengan hal ehwal atau kebankrapan | 109(1)(q) | Penjara sehingga 2 tahun, denda |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | atau kedua-duanya |
| (xx) | Secara material meningkatkan ketidakcairan melalui perjudian atau spekulasi dalam tempoh 2 bulan sebelum petisyen difailkan | 109(1)(r)(i) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxi) | Kehilangan mana-mana bahagian hartanya dengan berjudi atau spekulasi | 109(1)(r)(ii) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxi) | Menjelaskan kehilangan mana-mana sebahagian besar estetnya yang dialami dalam tempoh 1 tahun sebelum tarikh penerimaan petisyen kebankrapan | 109(1)(r)(iii) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxii) | Mana-mana orang yang nenerima gadaian, cagaran atau pelupusan harta daripada bankrap tanpa mengetahui harta tersebut telah digadai, disandar atau dilupuskan dalam kaadaan tertentu. | 109 (3) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxiv) | Gagal untuk menyimpan buku-buku perakaunan perniagaannya untuk tempoh 2 tahun sebelum petisyen kebankrapan difailkan | 110(1) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxv) | Mengambil hutang yang boleh dibuktikan dalam kebankrapannya dalam tempoh 12 bulan sebelum petisyen difailkan tanpa alasan munasabah boleh membayarnya | 111(a) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxvi) | Menanggung keterhutangannya dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh petisyen kebankrapan | 111(b) | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |

| | | | |
|---|---|---|---|
| (xxvii) | Meninggalkan Malaysia dengan membawa bersamanya harta bernilai RM50.00 atau lebih selepas tarikh penyampaian petisyen kebankrapan | 112 | Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxviii) | Meninggalkan Malaysia sebelum Perintah Kebankrapan dikeluarkan dengan sengaja untuk mengelak daripada penyerahan petisyen kebankrapan, atau proses kebankrapan atau pemeriksaan. | 113(1) | Penjara sehingga 1 tahun, denda tidak melebihi RM1,000.00 atau kedua-duanya |
| (xxix) | Meninggalkan Malaysia selepas penyerahan petisyen kebankrapan, atau serahan saman pemiutang atau dalam tempoh 3 bulan sebelum serahan. | 113(2) | Penjara sehingga 1 tahun, denda tidak melebihi RM1,000.00 atau kedua-duanya. |
| (xxx) | Mengambil kredit di bawah dakwaan palsu atau secara fraud | 114(1)(a) | Penjara sehingga 1 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxxi) | Melupuskan hartabendanya secara pemberian hadiah, atau mencagarkannya dengan niat memfraud pemiutang | 114(1)(b) | Penjara sehingga 1 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxxii) | Menyembunyikan atau mengalihkan hartabendanya selepas atau dalam tempoh 2 bulan sebelum penghakiman diperolehi terhadapnya | 114(1)(c) | Penjara sehingga 1 tahun, denda atau kedua-duanya |
| (xxxiii) | Mana-mana pemiutang atau orang yang menuntut sebagai seorang pemiutang dalam apa-apa kebankrapan setuju selesai atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutang yang membuat apa-apa tuntutan, bukti, akuan atau penyata | 115(1) | Penjara sehingga 1 tahun, denda atau kedua-duanya |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | akaun yang tidak betul dalam apa butir-butir material dengan niat fraud | | |
| (xxxiv) | Mana-mana pemiutang yang memperolehi atau menerima apa-apa wang atau harta, atau cagaran dari mana-mana orang sebagai suatu dorongan tidak membuat bangkangan atau untuk bersetuju kepada pelepasan seseorang bankrap | 115(2) | Denda kepada 3 kali ganda amaun atau nilai wang, harta atau cagaran |
| (xxxv) | Mana-mana pemiutang yang memperolehi atau menerima apa-apa wang atau harta, atau cagaran dari mana-mana orang sebagai suatu dorongan tidak membuat bangkangan atau untuk bersetuju kepada pelepasan seseorang bankrap | 115(3)<br><br>115(4) | Denda kepada 2 kali ganda amaun atau nilai harta tersebut atau penjara sehingga 3 tahun atau kedua-duanya<br><br>Denda di bawah seksyen 115 adalah sebahagian daripada harta penghutang dan terletak hak kepada KPI |

7. Selain daripada kesalahan di bawah Akta Insolvensi 1967 (Akta 360), terdapat 4 kesalahan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) yang memerlukan Kertas Siasatan dibuka seperti Jadual C berikut:

**[JADUAL B]**

| Bil | Kesalahan | Seksyen | Hukuman |
|---|---|---|---|
| (i) | Mengalih atau menyembunyikan harta dengan curang atau tipu bagi mengelakkan pembahagian antara pemiutang-pemiutangnya | 421 | Penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya |
| (ii) | Dengan curangnya atau tipu mengelak apa-apa piutang atau tuntutan yang ia | 422 | Penjara sehingga 5 tahun |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | atau orang lain berhak daripada dapat digunakan untuk membayar hutang | | atau denda atau kedua-duanya |
| (iii) | Dengan curang atau tipu menyempurnakan surat ikatan memindah milik yang mempunyai kenyataan palsu tentang balasan | 423 | Penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya |
| (iv) | Dengan curang atau tipu menyembunyikan atau mengalih harta | 424 | Penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya |

## PELAKSANAAN

### (A) PROSEDUR KERTAS SIASATAN FRAUD

8 Bagi Kertas siasatan yang dibuka di bawah Akta 360, Perintah untuk Menyiasat/*Order to Investigate* (OTI) hendaklah diperoleh daripada Timbalan Pendakwa Raya terlebih dahulu sebelum siasatan dimulakan, berbeza dengan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan yang tidak memerlukan OTI. Format draf OTI adalah seperti di Lampiran A.

9 Selepas siasatan dilengkapkan, KS hendaklah dirujuk dahulu kepada Pengarah Insolvensi Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan (PIBPP) untuk persetujuan kepada sebarang bentuk cadangan sebelum dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan. Kesemua kes KS hendaklah dirujuk kepada Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan (BPP), Ibu pejabat untuk mendapatkan arahan lanjut daripada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) dan Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi (TKPI) bagi tujuan mendakwa.

10 Bagi KS yang perlu dituduh, Pegawai Penyiasat (PI UPP) hendaklah menyediakan dokumen-dokumen seperti berikut:

a) Draf Fakta kes;
b) Draf Kertas Pertuduhan;
c) Draf Pengaduan; dan
d) Draf Saman

11. Draf-draf tersebut akan disemak oleh PIN/KC sebelum diserahkan kepada Unit Mahkamah bagi tindakan memfailkan kertas pertuduhan. PIN/KC hendaklah melaporkan semula status KS kepada PIBPP.

12. Sekiranya terdapat rayuan, KS hendaklah kekal berada dalam simpanan Unit Mahkamah sehingga selesai. Rayuan hendaklah dimaklumkan kepada PIBPP dan Ketua Unit Penyiasatan Dan Penguatkuasaan (KUPP). Sekiranya tiada rayuan, KS akan diminitkan bagi tindakan kemas untuk simpan oleh UPP dan perkara ini juga hendaklah dimaklumkan kepada Unit Kebankrapan.

## (B) FORMAT FAIL KERTAS SIASATAN

13. Fail KS hendaklah menggunakan fail kertas siasatan berwarna coklat. Kulit fail KS mempunyai 4 muka surat dan format adalah seperti di Lampiran B.

13.1 Fail kulit KS hendaklah mengandungi maklumat seperti Jadual C:

**[JADUAL C]**

| Perkara | Butiran |
|---|---|
| 1 | Nama Pegawai Penyiasat dan Pangkat |
| 2 | Negeri /Cawangan |
| 3 | Kertas Siasatan Bil (No. rujukan fail KS) |
| 4 | Haribulan dan Jam Aduan (tarikh dan masa aduan dibuat) |
| 5 | Tempat kejadian (cawangan mana) |
| 6 | Nama dan alamat pengadu (maklumat pengadu) |
| 7 | Tuduhan (Sebut seksyen) (Seksyen Kesalahan) |
| 8 | Nama orang dituduh (Nama suspek, bangsa, umur, jantina, No. K/P, No. Insolvensi (BP000..) |
| 9 | Surat-surat siasatan dan dokumen lain |
| 10 | Saman diserah kepada dituduh |

| | |
|---|---|
| 11 | Bil jaminan dan hari bulan, polis, mahkamah, bil. waran tangkap |
| 12 | Barang kes |
| 13 | Waran tangkap |
| 14 | Keputusan |
| 15 | Ulangan bicara |

14. Setiap fail KS hendaklah mengandungi dokumen-doukumen seperti berikut:

14.1 Kertas minit

14.1.1 Setiap minit hendaklah mengandungi kandungan berikut:

a) Nombor minit;
b) Kepada siapa;
c) Kandungan tindakan/penemuan/cadangan/arahan;
d) Tandatangan, nama dan jawatan
e) Tarikh

14.2 Minit hendaklah disediakan dengan jelas. Jika minit merujuk kepada permulaan arahan tuduh, intipati kesalahan hendaklah dinyatakan dengan jelas termasuk keterangan atau dokumen yang dirujuk. Manual Intipati Kesalahan KS sepertimana di Lampiran C.

14.3 Diari siasatan Pegawai Penyiasat (Folio C)

14.3.1 Pegawai penyiasat perlu merekodkan diari siasatan dengan ditandakan sebagai C.

14.3.2 Setiap tindakan di dalam diari siasatan perlu ditandatangan oleh pegawai penyiasat;

14.3.3 Format diari siasatan seperti format di Lampiran D.

14.4 Dokumen-dokumen lain seperti Borang Aduan, Notis Kebankrapan, Petisyen Kebankrapan, Perintah Kebankrapan, Penyata Hal Ehwal (PHE), Keputusan carian awal, Notis yang dikeluarkan MdI kepada bankrap, Laporan Kedudukan Kes (LKK) dan lain-lain ditandakan sebagai Folio D; dan

14.5 Rakaman percakapan bagi Pengadu dan Saksi-Saksi:

14.5.1 Rakaman percakapan bagi bankrap ditandakan sebagai Folio B1 dan saksi sebagai Folio A1, A2, A3, dan seterusnya.

14.5.2 Setiap helaian cetakan rakaman percakapan perlu ditandatangani oleh saksi / bankrap, jurubahasa (jika ada) dan pegawai perakam.

14.5.3 Format rakaman percakapan seperti di Lampiran E.

## (C) FORMAT PENANDAAN DAN PENYUSUNAN FOLIO-FOLIO DI DALAM ILMAF

15. Susunan dokumen dalam fail KS bermula dari Folio A sehingga Folio D. Dokumen baru/terkini sama ada yang diterima atau keluar perlu ditandakan dengan D dengan nombor Contoh: D1, D2, D3, .... dan disusun dari depan ke belakang. Dokumen lama berada di depan dan dokumen baru di belakang.

16. Dokumen dalaman seperti surat keluar kepada agensi hendaklah ditandakan dengan menggunakan pen biru/hitam dan dokumen yang diterima dari agensi luar ditandakan dengan menggunakan pen merah. Berikut format penandaan folio bagi KS seperti di Jadual D:

**[JADUAL D]**

| Penandaan (Folio) | Dokumen |
|---|---|
| A | Aduan pertama |
| AA | Aduan kedua (sekiranya ada) |
| AAA | Aduan ketiga (sekiranya ada) |
| A1 | Nama saksi (Rakaman percakapan S1) |
| A2 | Nama saksi (Rakaman percakapan S2) |
| A3 dan seterusnya | |
| B1 | Suspek (Bankrap) |
| C1 | Diari Siasatan |
| D1 dan seterusnya | Dokumen lain yang berkaitan |

## (D) TEMPOH MASA PENYELESAIAN KES BAGI KERTAS SIASATAN (KS)

17. Tempoh masa penyelesaian bagi kesemua jenis kesalahan fraud adalah selama enam (6) bulan dari tarikh fail kertas siasatan dibuka. Sekiranya KS tidak dapat diselesaikan pohon untuk mendapatkan arahan lanjut daripada BPP, Ibu pejabat.

**(E) TATACARA SERAHAN/PENGHANTARAN FAIL KERTAS SIASATAN KE BPP**

18. Sebelum fail KS dikemukakan ke BPP, Pegawai Penyiasat perlu mengambil tindakan seperti berikut:

a) Minit KS disediakan dengan jelas menyatakan setiap intipati kesalahan; dan
b) Setiap dokumen dijilidkan dan disusun teratur.

19. Semua fail KS yang ingin dirujuk hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan diserah secara serahan tangan sahaja.

**KEGAGALAN MEMATUHI**

20. Kegagalan pegawai untuk mematuhi arahan Ketua Pengarah Insolvensi ini adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A) 395/1993].

**PEMBATALAN**

21. Dengan berkuat kuasanya Arahan ini, maka Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.2/2020 dibatalkan.

**TARIKH KUAT KUASA**

22. Arahan ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.

**(DATO' ISHAK BIN BAKRI)**
KETUA PENGARAH INSOLVENSI

Tarikh: 15 DEC 2025

# SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK |
| --- | --- |
| A | Format Draf OTI |
| B | Format Muka Depan Kulit Fail Kertas Siasatan Bagi Muka Surat 1, 2, 3 dan 4 |
| C | Manual Intipati Kesalahan KS |
| D | Format Diari Siasatan |
| E | Format Rakaman Percakapan |

[LAMPIRAN A]

**PERINTAH UNTUK MENYIASAT**
**DI BAWAH SEKSYEN 108 (2)**
**KANUN TATACARA JENAYAH [*AKTA 593*]**

Dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam Seksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dan menurut Seksyen 108 (2) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya ............................................................................ Timbalan Pendakwa Raya, Malaysia dengan ini memerintahkan ...............................................................Pegawai Insolvensi yang telah dilantik dan diberi kuasa sebagai Pegawai Penyiasat untuk menyiasat suatu kesalahan di bawah Seksyen ..................................Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] yang dilaporkan berlaku pada.......................jam lebih kurang ..................di......................................

**DENGAN KUASA PENDAKWA RAYA**

.....................................................................

**(TIMBALAN PENDAKWA RAYA)**

Ruj. Fail Kertas Siasatan:

**[LAMPIRAN C]**

# MANUAL INTIPATI KESALAHAN FRAUD DI BAWAH AKTA INSOLVENSI 1967 [AKTA 360] DAN KANUN KESEKSAAN [AKTA 574]

## (A) KESALAHAN DI BAWAH AKTA INSOLVENSI 1967 [AKTA 360]

### 1. Seksyen 35A: *Discharged Bankrupt To Give Assistance*

*35A. A discharged bankrupt shall, notwithstanding his discharge, give such assistance as the Director General of Insolvency requires in the realization and distribution of such of his property as is vested in the Director General of Insolvency, and if the discharged bankrupt fails to do so-*

*(a) He shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Bankrap telah dilepaskan daripada kebankrapan;
ii. Bankrap gagal membantu KPI;
iii. Bantuan tersebut adalah berkaitan dengan pelupusan/penjualan atau pengagihan harta/aset bankrap; dan
iv. Harta/aset tersebut adalah melibatkan harta/aset bankrap yang masih terletakhak/*vested* pada KPI.

### 2. Seksyen 109: Punishment of fraudulent debtors

#### 2.1 Seksyen 109 (1)(a)

*(a) if he does not to the best of his knowledge and belief fully and truly discover to the Director General of Insolvency all his property, and how, and to whom, and for what consideration, and when he disposed of any part thereof, except such part as has been disposed of in the ordinary way of his trade, if any, or laid out in the ordinary expenses of his family, unless he proves that he had no intent to defraud;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;
ii. Bankrap gagal mendedahkan dengan sepenuhnya:

- Semua hartanya;
- Cara bagaimana harta itu telah dilupuskan;
- Kepada siapa harta itu dilupuskan;
- Atas pertimbangan apa (*consideration*) harta itu dilupuskan; dan
- Bila harta itu dilupuskan.

iii. Pendedahan tersebut mestilah benar, lengkap dan dibuat dengan pengetahuan serta kepercayaan terbaik bankrap tersebut (*"to the best of his knowledge and belief"*).

iv. **PENGECUALIAN**- Kewajipan mendedahkan tidak terpakai bagi harta yang telah dilupuskan dalam:

- Urusan biasa perdagangan (*"ordinary way of his trade"*); atau
- Perbelanjaan keluarga yang biasa (*"ordinary expenses of his family"*).

v. Bankrap mempunyai niat untuk melakukan fraud

***Beban untuk mengemukakan alasan ketiadaan niat menipu terletak atas pihak bankrap.**

**2.2 Seksyen 109(1)(b)**

*(b) if he does not deliver up to the Director General of Insolvency or as he directs all such part of his property as is in his custody or under his control, and which he is required by law to deliver up, unless he proves that he had no intent to defraud;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap

ii. Bankrap tidak menyerahkan kepada KPI atau sesiapa yang diarahkan oleh KPI harta:

- berada dalam pemilikan fizikal bankrap (*in his custody*), atau
- berada di bawah kawalannya (*under his control*),
- yang diwajibkan oleh undang-undang untuk diserahkan.

iii. Bankrap mempunyai niat melakukan fraud

## 2.3 Seksyen 109(1)(c)

*(b) if he does not deliver up to the Director General of Insolvency or as he directs all books, documents, papers and writings in his custody or under his control relating to his property or affairs, <u>unless</u> he proves that he had no intent to defraud;*

<u>Intipati yang perlu dibuktikan:</u>

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Bankrap tidak menyerahkan kepada KPI semua buku, dokumen, kertas dan tulisan dalam jagaannya berhubung hartanya atau berhubung hal ehwalnya;

iii. Bahawa bankrap mempunyai niat melakukan fraud.

## 2.4 Seksyen 109(1)(d)

*(b) if after the presentation of a bankruptcy petition by or against him or within twelve months next before such presentation he conceals any part of his property to the value of one hundred ringgit or upwards or conceals any debt due to or from him, <u>unless</u> he satisfies the court that he had no intent to defraud;*

<u>Intipati yang perlu dibuktikan:</u>

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan selepas penyerahan petisyen kebankrapan kepada bankrap atau dalam tempoh 12 bulan sebelum serahan petisyen; dan

iii. Bankrap telah menyembunyikan mana - mana bahagian hartanya yang bernilai RM100.00 atau lebih; atau

iv. Bankrap telah menyembunyikan apa-apa hutang yang terhutang kepada atau oleh dirinya;

v. Nilai harta sekurang-kurangnya RM100; dan

vi. Bahawa bankrap mempunyai niat melakukan fraud.

## 2.5 Seksyen 109(1)(e)

(e) *if after the presentation of a bankruptcy petition by or against him or within twelve months next before such presentation he fraudulently removes any part of his property of the value of one hundred ringgit or upwards;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan selepas penyerahan petisyen kebankrapan kepada bankrap atau dalam tempoh 12 bulan sebelum serahan petisyen; dan

iii. Bankrap mengalihkan mana-mana bahagian hartanya yang bernilai RM 100.00 atau lebih termasuk:

- memindahkan aset ke lokasi lain
- menghantar ke luar negara
- mengeluarkan dari premis
- memindahkan hak milik kepada pihak ketiga

iv. Nilai harta sekurang-kurangnya RM100

v. Bankrap mempunyai niat melakukan fraud.

## 2.6 Seksyen 109(1)(f)

*(f) if he makes any material omission in any statement relating to his affairs, unless he proves that he had no intent to defraud;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap:

ii. Bankrap membuat apa-apa peninggalan material (*material omission*) dalam mana-mana pernyataan berhubung dengan hal-ehwalnya. Penyataan tersebut boleh berbentuk:

- Penyata hal ehwal (*Statement of Affairs*),
- Jadual aset dan liabiliti,
- Borang maklumat kewangan,
- Penyata yang dikemukakan kepada KPI semasa penyiasatan atau pemeriksaan awam.

iii. *Material omission* bermaksud:

- Peninggalan fakta penting,
- Maklumat kewangan yang tidak didedahkan,
- Aset, hutang, transaksi, akaun bank, pendapatan, atau dokumen yang sepatutnya dinyatakan tetapi ditinggalkan.

iv. Bahawa bankrap mempunyai niat melakukan fraud.

**2.7 Seksyen 109(1)(g)**

*(g) if, knowing, or believing, or having reason to believe, that a false debt has been proved by any person under the bankruptcy, he fails for the period of one month to inform the Director General of Insolvency thereof;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Mengetahui atau percaya atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa hutang palsu telah dibuktikan oleh mana - mana orang di bawah kebankrapan; dan

iii. Gagal dalam tempoh (1) bulan untuk memaklumkan perkara tersebut Ketua Pengarah Insolvensi.

**2.8 Seksyen 109(1)(h)**

*(h) if after the presentation of a bankruptcy petition by or against him he prevents the production of any book, document, paper or writing affecting or relating to his property or affairs, unless he proves that he had no intent to conceal the state of his affairs or to defeat the law;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan selepas penyerahan petisyen kebankrapan kepada bankrap;

iii. Bankrap menghalang pengemukaan sebarang buku, dokumen, kertas atau tulisan berkaitan harta atau hal ehwalnya; dan

iv. Bankrap mempunyai niat untuk menyembunyikan kedudukan hal ehwalnya atau melanggar undang-undang.

**2.9 Seksyen 109(1)(i)**

*(i) if after the presentation of a bankruptcy petition by or against him or within twelve months next before such presentation or service he conceals, destroys, mutilates or falsifies or is privy to the concealment, destruction, mutilation or falsification of any book or document affecting or relating to his property or affairs, unless he proves that he had no intent to conceal the state of his affairs or to defeat the law;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan selepas penyerahan petisyen kebankrapan kepada bankrap atau dalam tempoh 12 bulan sebelum serahan petisyen;

iii. Bankrap telah menyembunyikan, memusnahkan, menghancurkan memalsukan atau mempunyai kaitan terhadap penyembunyian, pemusnahan, penghancuran atau pemalsuan mana - mana buku atau dokumen yang menjejaskan atau berhubung harta atau hal ehwalnya;

iv. Bankrap mempunyai niat untuk menyembunyikan kedudukan hal ehwalnya atau melanggar undang-undang.

**2.10 Seksyen 109(1)(j)**

*(j) if after presentation of a bankruptcy petition by or against him or within twelve months next before such presentation or service he makes or is privy to the making of any false entry in any book or document affecting or relating to his property or affairs, unless he proves that he had no intent to conceal the state of his affairs or to defeat the law;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan selepas penyerahan petisyen kebankrapan kepada bankrap atau dalam tempoh 12 bulan sebelum serahan petisyen;

iii. Bankrap membuat atau merahsiakan dalam pemalsuan kemasukan data di dalam mana - mana buku atau dokumen yang menjejaskan atau berhubung hal ehwalnya; dan

iv. Bankrap mempunyai niat untuk menyembunyikan kedudukan hal ehwalnya atau melanggar undang-undang.

**2.11 Seksyen 109(1)(k)**

*(k) if after the presentation of a bankruptcy petition by or against him or within twelve months next before such presentation or service he, fraudulently parts with, alters or makes any omission in, or is privy to the fraudulently parting with, altering or making any omission in, any document affecting or relating to his property or affairs;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan selepas penyerahan petisyen kebankrapan kepada bankrap atau dalam tempoh 12 bulan sebelum serahan petisyen; dan

iii. Bankrap secara menipu melepaskan, menukar dan meninggalkan atau merahsiakan penipuan di dalam melepaskan, penukaran dan peninggalan mana - mana dokumen yang melibatkan harta dan hal ehwal bankrap.

**2.12 Seksyen 109(1)(l)**

*(l) ifafter the presentation of a bankruptcy petition by or against him, or at any meeting of his creditors within twelve months next before the presentation thereof, he attempts to account for any part of his property by fictitious losses or expenses;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan selepas penyerahan petisyen kebankrapan kepada bankrap atau dalam mesyuarat pemiutang dalam tempoh 12 bulan sebelum serahan petisyen; dan

iii. Bankrap membuat cubaan untuk membincangkan mana- mana bahagian hartanya dengan membuat rekaan kerugian dan perbelanjaan yang diada-adakan.

**2.13 Seksyen 109(1)(m)(i)**

*(m) if being an undischarged bankrupt-*

*(i) either alone or jointly with any other person he obtains credit to the extent of *one thousand ringgit or upward, unless he proves that before obtaining the credit he informed the person giving the credit that he was an undischarged bankrupt; or*

<u>Intipati yang perlu dibuktikan:</u>

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Bankrap belum dilepaskan daripada kebankrapan;

iii. Bahawa bankrap secara sendiri atau dengan orang lain, memperoleh kredit sehingga RM 1,000.00 atau lebih; dan

iv. Bankrap tidak memaklumkan kepada pemberi kredit bahawa bankrap belum dilepaskan daripada kebankrapannya.

**2.14 Seksyen 109(1)(m)(ii)**

*(m) if being an undischarged bankrupt-*

*(ii) either alone or jointly with any other person he engages in any trade or business or enters into any contract in furtherance of any trade or business, unless he proves that before engaging in the trade or business or before entering into the contract he informed the person with whom he engages in the trade or business or with whom he entered into the contract that he was an undischarged bankrupt;*

<u>Intipati yang perlu dibuktikan:</u>

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Bankrap belum dilepaskan daripada kebankrapan;

iii. Bahawa bankrap secara sendiri atau bersama orang lain, memasuki mana-mana jual beli atau perniagaan atau memasuki kontrak jual beli atau perniagaan; dan

iv. Bankrap tidak memaklumkan pihak yang berurusan dengannya bahawa bankrap belum dilepaskan daripada kebankrapannya.

**2.15 Seksyen 109(1)(n)**

*(n) If within twelve months next before the presentation of a bankruptcy petition by or against him or after the presentation of a bankruptcy petition and before the making of a receiving order, he by any false representation or other fraud has obtained any property on credit and has not paid for the same;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan dalam tempoh 12 bulan sebelum serahan petisyen atau selepas penyerahan petisyen kebankrapan dan sebelum Perintah Penerimaan; dan

iii. Bankrap telah membuat pernyataan palsu atau secara penipuan memperolehi harta atau secara pinjaman dan masih belum membayar harta tersebut.

**2.16 Seksyen 109(1)(o)**

*(o) if within twelve months next before the presentation of a bankruptcy petition by or against him or after the presentation of a bankruptcy petition and before the making of a receiving order, he obtains, under the false pretence of carrying on business and if a trader of dealing in the ordinary way of his trade, any property on credit and has not paid for the same, unless he proves that he had no intent to defraud;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan dalam tempoh 12 bulan sebelum serahan petisyen atau selepas penyerahan petisyen kebankrapan dan sebelum Perintah Penerimaan; dan

iii. Bankrap telah memperolehi harta dengan cara membuat dakwaan palsu menjalankan perniagaan dengan pedagang yang menguruskan dagangannya secara biasa dan masih belum membuat bayaran terhadap harta tersebut;

v. Bahawa bankrap mempunyai niat melakukan fraud.

## 2.17 SEKSYEN 109(1)(p)

*(p) if within twelve months next before the presentation of a bankruptcy petition by or against him or after the presentation of a bankruptcy petition and before the making of a receiving order he pawns, pledges or disposes of or sends out of Malaysia any property which he has obtained on credit and not paid for unless in the case of a trader he proves that such pawning, pledging, disposal of or sending out of Malaysia is in the ordinary way of his trade and that in any case he had no intent to defraud;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

i. Individu tersebut telah dihukum bankrap;

ii. Kesalahan dilakukan dalam tempoh 12 bulan sebelum serahan petisyen atau selepas penyerahan petisyen kebankrapan dan sebelum Perintah Penerimaan; dan

iii. Bankrap telah mengadai, mencagarkan atau melupuskan atau menghantar keluar daripada Malaysia harta yang diperolehi secara kredit dan masih belum dibayar;

iv. Gadaian, sandaran, pelupusan keluar daripada Malaysia yang dibuat bukan kebiasaanya perdagangannya; dan

v. Bahawa bankrap mempunyai niat melakukan fraud.

## 2.18 Seksyen 109(1)(q)

